



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KAJIAN TANDA ARAS TAHAP KESEDARAN KESELAMATAN SIBER NILAI STATUS PENGGUNAAN TEKNOLOGI DAN INTERNET DALAM KELUARGA MALAYSIA

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui agensinya CyberSecurity Malaysia iaitu pusat pakar teknikal keselamatan siber hari ini melancarkan Laporan Eksekutif Dapatan Kajian Tanda Aras Tahap Kesedaran Keselamatan Siber Dalam Kalangan Murid Sekolah dan Ibu Bapa 2021/2022.

Laporan Eksekutif tersebut mengandungi dapatan hasil kajian yang dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah diadakan pada 16 November hingga 3 Disember 2021 oleh penyelidik akademik dari Universiti Utara Malaysia (UUM).

Ia merupakan satu kajian komprehensif untuk mengenalpasti tahap kesedaran keselamatan siber secara menyeluruh, pola tingkah laku serta kecenderungan trend penggunaan teknologi, Internet dan media sosial dalam kalangan generasi muda. Di samping itu, kajian juga melihat tahap kesedaran serta kawalan ibu bapa terhadap penggunaan komputer dan Internet oleh anak-anak.

Seramai 16,908 responden terdiri daripada 13,953 murid sekolah rendah dan menengah, termasuk murid pendidikan khas serta 2,955 ibu bapa terlibat dalam kajian ini di seluruh negara.

Maklumat serta data yang diperolehi akan digunakan sebagai rujukan, panduan dan perancangan pembangunan program serta modul kesedaran keselamatan siber khususnya kepada golongan muda dan juga ibu bapa oleh KKMM melalui CyberSecurity Malaysia.

Hasil kajian mendapati ketagihan Internet, tahap kesedaran kewarganegaraan digital yang rendah serta kawalan ibu bapa yang kurang efektif telah menyebabkan berlaku peningkatan risiko keselamatan siber terhadap generasi muda. Manakala akses kepada kandungan Internet yang tidak sesuai, risiko transaksi dalam talian, kurang kefasihan digital, kelemahan dalam pengurusan kata laluan, ancaman dari orang yang tidak dikenali, serangan pancingan data (phishing) serta privasi dalam talian juga perlu diberi penekanan.

Justeru, saya menggesa semua pihak yang terlibat supaya berkolaborasi dalam usaha meningkatkan kesedaran untuk membina daya tahan generasi muda agar mereka mampu bertahan sewaktu mengalami ancaman siber, pulih segera dan kembali kepada keadaan asal, selain mengambil iktibar daripada insiden yang dialami. Kajian turut mendapati generasi muda lebih tertumpu kepada aktiviti pembelajaran dalam talian selaras situasi pandemik COVID-19 negara di sepanjang tempoh dua tahun, manakala pemilikan telefon pintar juga bertambah sebanyak 17.18% dan 60% peningkatan dalam melayari media sosial.

Sempena sambutan Hari Keselamatan Internet 2022 – Edisi Malaysia, saya juga mengucapkan syabas kepada semua peserta yang menghadiri Forum KITA Siber bertajuk 'Dunia Digital Murid-Murid Sekolah Masa Kini' bagi mengupas dapatan hasil Kajian Tanda Aras Tahap Kesedaran Keselamatan Siber 2021/2022 dan juga Bengkel Keselamatan 5G bagi membentuk Pasukan Petugas Keselamatan 5G peringkat Malaysia bagi mengkaji penerimaan dan pemakaian Rangka Kerja Keselamatan 5G Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer - Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC-CERT).

Kementerian melalui CyberSecurity Malaysia akan terus meneroka lebih banyak peluang dan usaha strategik untuk memastikan keselamatan siber di negara ini berada pada tahap yang terbaik.

**TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI MUSA
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

22 Februari 2022